

Tulis semula untuk apa? – Pakar sejarah

KUALA LUMPUR 29 Julai - Usaha pihak tertentu mahu menulis semula sejarah negara supaya perjuangan komunis diiktiraf adalah tindakan mengarut kerana tiada siapa boleh menafikan komunis sememangnya jahat sehingga ribuan nyawa tanpa mengira kaum terkorban.

Sehubungan itu, beberapa pakar menegaskan, naratif pensejarahan negara ketika ini yang meletakkan komunis sebagai antagonis dan bukan hero perlu dikekalkan dalam buku teks buat selama-lamanya.

Felo Utama Institut Kajian Etnik, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), **Prof. Datuk Dr. Teo Kok Seong** berkata, naratif

sejarah yang diguna pakai di negara ini sejak dahulu dibina bukanlah untuk kepentingan politik mana-mana pihak, sebaliknya demi negara.

“Sebelum merdeka, komunis memang berjuang untuk menentang penjajah, namun selepas merdeka, mereka berjuang menentang kita (pemerintah negara).

“Saya masih ingat lagi ketika menjadi guru di Raub, Pahang pada tahun 1975, rata-rata rakyat alami kesusahan kerana aktiviti pengganas komunis sehingga kerajaan terpaksa mengisytiharkan perintah berkurung,” katanya ketika dihubungi di sini hari ini.



TEO KOK SEONG



ISHAK SAAT

Sementara itu, Pensyarah Jabatan Sejarah Fakulti Sains Kemanusiaan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), **Prof. Dr. Ishak Saat** berpendapat, tiada keperluan untuk menulis semula sejarah negara memandangkan sejarah ditu-

lis bukanlah dengan tujuan untuk menjulang perjuangan mana-mana pihak.

Kata beliau, sejarah perlu dibaca secara neutral dan sebarang usaha untuk mempertikai ketepatannya perlu hadir dengan bukti, bukan persepsi semata-mata.

“Kita nak tulis semula sejarah ini, nak tulis semula apa? Sebelum merdeka, komunis juga salah satu pihak yang berjuang untuk kemerdekaan tetapi rakyat tolak perjuangan mereka. Selepas merdeka, mereka bukan lagi pejuang, sebaliknya kita gelar mereka sebagai anasir (komunis),” katanya.